

# TAWARAN PADA PAS BUKAN TAWARAN

## Tapi ahli2nya dia u2 sertai UMNO — Dr. M

KOTA BHARU, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa beliau menarik balik tawarannya kepada PAS untuk menyertai Barisan Nasional, tetapi menegaskan "UMNO masih bersedia menerima ahli-ahli PAS yang ingin menyertai UMNO".

Katanya, dengan ini pengikut-pengikut PAS dapat disediakan dan dibawa pulang ke pangkal jalan agar mereka dapat memahami Islam yang sebenarnya.

Katanya, sebelum ini bila beliau menjemput PAS menyertai Barisan Nasional (BN) "tawaran saya mereka tolah menolak" walaupun dibuat dengan niat yang ikhlas bertujuan memupuk peraudaran sesama Islam di negara ini.

Perdana Menteri kekal, kerana PAS yang kecewa dan merosot pengaruhnya, sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan sokongan rakyat

Oleh NASHRULADDIN A. RAHMAN

sehingga menimbulkan kejadian-kejadian yang tidak pernah berlaku seperti mengafkirkan orang Islam lain dan bersembahyang dengan dua atau tiga imam.

Berucap merasamkan mesyuarat UMNO Bahagian Kota Bharu di sini, Dr. Mahathir berkata "Tidak ada orang yang pernah menceritakan pada saya peristiwa mengafkirkan orang lain begitu juga tidak pernah berlaku sembahyang dengan dua atau tiga imam sebelum ini".

### Hanya di mulut

Bellau yang juga Presiden UMNO dan Pengerusi BN menambah, kejadian-kejadian seperti itu tidakpun berlaku semasa PAS beliau wujud di negara ini.

"Tetapi ia bermula apabila ada satu perubahan. Jadi, tepatlah kalau kita mengaitkan perubahan itu dengan kejadian-kejadian yang buruk ini," tambah Datuk Seri Dr. Mahathir.

Sebagai akibatnya, tegas beliau, perpecahan berlaku di

kalangan umat Islam di negara ini "maka-maka sifat (lunak dan iri hati PAS yang sanggup memeralatkan agama untuk mencapai perjuangan politik mereka."

"Mereka mungkin berkata berjuang untuk Islam, tetapi itu hanya di mulut, bukan di hati dan mereka menggunakan Islam untuk mendapatkan kuasa bagi mendirikan kerajaan supaya peluang terbuka bagi mendapatkan tanah belak dan sebagainya," katanya.

Bellau menambah, "Kita telah melihat kerajaan didirikan oleh parti itu, tetapi mereka melakukan perkara yang tidak disuruh oleh Islam dan mengadai sebahagian negeri Kelantan kepada orang lain."

Tindakan itu PAS sekarang, kata Perdana Menteri, memaksa kerajaan menumpukan perhatian kepada masalah yang ditimbulkan oleh mereka dan ini menjejaskan usaha untuk memajukan orang Melayu dan umat Islam di negara ini dan kerana itulah nasib mereka masih lagi berada di

belakang.

Katanya, selepas mencapai kemerdekaan dan menjerit-jerit sendiri negara ini, berbagai perancangan dibuat untuk membangkitkan rakyat tetapi malangnya telah wujud golongan seperti ini yang sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan sokongan tanpa menghiraukannya.

Bellau menarik perhatian kepada nasib yang dialami oleh orang-orang Islam di Asia Barat, walaupun mereka mempunyai sumber kekayaan bumi dan sepatutnya kuat, tetapi tidak berjaya memenantang pencerooban orang Yahudi yang 'lirik-kirik' 5 juta orang sahaja.

"Ini bukan kerana orang-orang Yahudi kuat, tetapi orang-orang Islam Asia Barat berpecah-belah dan jenis seperti itu ada di Restu," jelas Datuk Seri Dr. Mahathir lagi.

Oleh itu, jelas Perdana Menteri adalah menjelasi peranan orang-orang UMNO di semua peringkat untuk memberi penerangan kepada 'orang-orang yang restu' itu agar mereka kembali ke pangkal jalan selaras dengan peranan penting UMNO sebagai pelindung umat Islam di negara ini.

"Kita tidak perlu marah pada mereka tetapi kita mesti membawa mereka ke pangkal jalan. Oleh itu, Kita tidak payah menjemput PAS masuk BN, tetapi kita menjemput ahli-ahli PAS menyertai UMNO," katanya.

### Mampu

Ini ialah kerana, katanya, PAS sepatutnya tidak perlu wujud dan sepatutnya dibubarkan kerana UMNO cukup berkemampuan melindungi orang-orang Melayu dan umat Islam di negara ini seperti dibuktikan selama ini. Menuntut kemerdekaan dan menentang Malayan Union dahulu.

Tambahnya, ketika itu barulah boleh dianggap "kita telah mencapai kejayaan yang sebenarnya".

No. Siri 2929  
No. Penerimaan 67415